

Newspaper Clipping - 6-9 Dis 2010

Contohi Tun Hasmah dan Tun Jean Fikrah

KETUA Penerangan Pemuda PAS, Suhaizan Kaiat berkata, isteri Perdana Menteri seharusnya ada peranan untuk memantapkan beberapa perkara sama ada membantu hal-hal kewanitaan sebagaimana yang ditonjolkan oleh Tun Hasmah dan Tun Jean Abdullah.

Kedua-dua tokoh wanita itu, ketika suami masing-masing menjadi Perdana Menteri mereka ada peranan tersendiri untuk memperteguhkan beberapa hal termasuklah hal bersangkutan kewanitaan.

"Mereka boleh dijadikan contoh oleh semua rakyat apatah lagi sebagai 'role model'. Rosmah Mansor boleh ikut mereka," katanya kepada *Harakah*.

Malangnya, kata Suhaizan, pelbagai persepsi yang ditimbulkan umum terhadap Rosmah apabila ada yang mendakwa beliau boros dalam berbelanja apatah lagi mendapat elaun yang tidak ditetapkan kadarnya.

"Kalau dia (Rosmah) nak boros, guna duit sendiri, itu soal peribadi dia. Isunya keborosan itu timbul pakai duit kerajaan. Ini satu pembaziran



Suhaizan Kaiat

duit kerajaan. Daripada membazir, baik duit itu diagihkan kepada fakir miskin yang semakin ramai dalam negara ini," katanya.

Jelasnya, elaun yang diberikan kepada isteri Perdana Menteri lebih daripada mencukupi malahan jika berbelanja dengan berhemat elaun itu mungkin boleh dijimatkan lagi.

"Misalnya elaun baju panas yang layak diterima isteri Perdana Menteri, jika berjimat cermat baju itu boleh dipakai setahun, kalau dibeli setiap kali ke luar negeri, memang tidak cukuplah," ujarnya.

Justeru, di sinilah letaknya kebijaksanaan beliau untuk menggunakan sebaik mungkin peruntukkan elaun yang diberi.